



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00, 15 Januari 2026

Untuk Terbitan Media
15 Januari 2026

SIARAN MEDIA

PERKESO GERAKKAN SKUAD PRIHATIN, SALUR BANTUAN KEPADA MANGSA LETUPAN UNIVERSITI BUKIT DAMANSARA

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menggerakkan Skuad PERKESO Prihatin bagi meneliti bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa letupan di sebuah universiti swasta di Bukit Damansara pada Isnin yang setakat ini mengorbankan satu nyawa.

Hasil semakan PERKESO mendapati dua daripada mangsa yang cedera dalam insiden itu merupakan pencarum di bawah LINDUNG Pekerja, sekali gus melayakkan mereka menerima faedah di bawah skim tersebut.

Menerusi satu kenyataan pada Rabu, PERKESO memaklumkan kedua-duanya, Teh Wee Leon, 32 dan Liew Yeng Chen, 55, layak menerima Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), hasil daripada caruman mereka selama ini.

“Sebaik mengetahui kes ini, anggota PERKESO bergegas ke hospital untuk mendapatkan maklumat tambahan mangsa. Semakan mendapati, Teh Wee Leon yang merupakan seorang pensyarah dan kontraktor, Liew Yeng Chen disahkan akan menerima FHUS.

“Selain itu, PERKESO juga akan meneliti faedah-faedah lain yang boleh diberikan kepada mangsa.

“Diharapkan bantuan ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban mereka dan keluarga yang semestinya masih lagi terkejut dengan insiden menggemparkan ini,” menurut kenyataan daripada PERKESO.

Menurut kenyataan itu lagi, selepas ini PERKESO akan berhubung terus dengan majikan bagi melaporkan kemalangan tersebut dan melaksanakan proses seterusnya berkaitan pemberian faedah.

Dalam pada itu, semakan lanjut juga mendapati tiga daripada mangsa yang cedera, iaitu kontraktor penyelenggaraan dan pekerja kantin tidak mempunyai sebarang caruman kepada PERKESO, selain selebihnya merupakan pelajar.

“Siasatan terperinci akan dijalankan ke atas majikan terlibat bagi mengenalpasti punca majikan tidak mencarum ke atas mangsa yang terlibat (kecuali pelajar).

“Pada masa sama, PERKESO akan menyalurkan kes ini kepada agensi lain yang berkaitan bagi memastikan bantuan bersesuaian disampaikan kepada semua mangsa-mangsa ini,” ujar PERKESO.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki disahkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL), manakala sembilan individu lain cedera dalam insiden letupan gas penghawa dingin berkenaan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus, dilaporkan berkata mangsa yang terkorban dikenal pasti sebagai Soo Yu Juan, seorang pelajar berusia 24 tahun.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Januari 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my